

Di manakah semangat ASEAN?

Oleh DR. MOHD. HAZMI
MOHD. RUSLI

MUSIM jerebu tiba lagi! Sekiranya kemegahan garis langit kota New York, Tokyo dan Frankfurt diselubuti kabus dingin yang memberikan suasana musim sejuk yang menawan setiap kali munculnya hujung tahun, Kuala Lumpur dan Singapura mempunyai senario yang lebih kurang sama - cuma kota-kota ini bukanlah diselubungi kabus nyaman sebaliknya oleh kabus asap yang cukup menyesakkan.

Masalah jerebu Indonesia menghambat rantau ini selama hampir dua dekad. Jerebu terburuk pernah melanda pada 1997 dengan asap berbahaya menyelubungi Indonesia, Malaysia, Thailand, Brunei dan Singapura. Selepas 1997, fenomena yang tidak diundang ini sekali lagi menyerlah Asia Tenggara untuk beberapa tahun terutamanya pada 1999, 2005, 2006, 2009, 2013 dan 2015. Bencana alam ini masih lagi menghantui rantau ini sehingga ke hari ini.

Sejak penubuhannya pada 1967, Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) melalui perkembangan memberangsangkan dalam memupuk kerjasama lebih erat di antara 10 negara ahlinya. Tahun 2015 disambut sebagai detik negara-negara ASEAN mewujudkan satu Komuniti ASEAN menerusi Integrasi ASEAN.

Di sebalik usaha integrasi, proses ini masih jauh dari realiti. Masalah jerebu yang belum berakhir ini adalah manifestasi bahawa ASEAN sebagai satu komuniti, masih belum berhasil membentuk kerjasama serantau bagi menyediakan alam sekitar yang baik untuk jutaan rakyat rantau ini. Walaupun krisis jerebu 1997 telah menggerakkan pemeteraian Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan pada 10 Jun 2002, perjanjian ini, untuk tempoh 13 tahun berikutnya gagal mencapai objektif asalnya.

Kejadian jerebu tahunan di Asia Tenggara adalah diakibatkan teknik pembersihan hutan menerusi kaedah pembakaran yang digunakan oleh pengusaha di Indonesia. Kaedah ini diamalkan secara meluas kerana ini cara yang termurah dan



ANGGOTA polis dan bomba Indonesia bertungkus-lumus memadam kebakaran di kawasan tanah gambut di daerah Kapuas, Kalimantan Tengah pada 24 September lalu. - AFP

termudah untuk menyediakan tanah bagi tujuan pertanian. Kebakaran hutan menyebabkan titik merah, atau zon dengan suhu yang tinggi dapat dikesan melalui imej satelit di Malaysia dan Indonesia.

Walaupun terdapat juga kebakaran hutan di Malaysia, kepulan asap kebanyakannya berasal dari titik panas terutamanya dari Pulau Sumatera dan Pulau Borneo yang dikenal pasti sebagai punca utama kejadian jerebu. Kurangnya taburan hujan sewaktu musim kering memburukkan keadaan yang sememangnya parah ini.

Rakyat di negara-negara yang terkesan akibat jerebu ini seringkali mengalami masalah kesihatan berkaitan pernafasan seperti lelah, jangkitan paru-paru serta radang kulit dan mata. Sebahagian besar penduduk Asia Tenggara terutamanya di daerah terpencil di Indonesia tidak memiliki kemampuan kewangan untuk membeli alat-alat perlindungan seperti topeng pernafasan dan pendingin hawa. Mereka juga tidak mampu untuk tidak keluar bekerja kerana kebanyakannya hidup kais pagi makan pagi.

Indonesia telah meminta maaf kepada negara tetangganya akibat masalah jerebu ini. Namun ada juga

pemimpinnya yang enggan meminta maaf kerana berpendapat bahawa Malaysia dan Singapura terhutang budi kepada Indonesia kerana hutan-hutannya telah membekalkan mereka dengan udara bersih selama ini. Ini suatu kenyataan yang sukar dimengertikan serta amat memmeranjatkan kerana udara bersih adalah ciptaan Tuhan yang Maha Esa dan bukannya milik mutlak Indonesia.

Maaf atau tidak, ini tidak cukup untuk memperbaiki kerosakan yang telah berlaku. Saling menyalahkan juga tidak membawa makna apa-apa. Bertahun-tahun lamanya sebahagian tokoh politik dan masyarakat Indonesia menyalahkan perusahaan Malaysia dan Singapura yang beroperasi di Indonesia sebagai penyebab berlakunya krisis jerebu ini.

Namun begitu, pemerintah dan masyarakat Indonesia harus sedar bahawa amalan pembakaran hutan bagi tujuan pertanian ini tidak mengambil tempat di Malaysia ataupun Singapura tetapi berlaku di Indonesia. Kerajaan Indonesialah yang berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap perusahaan yang ternyata telah mengakibatkan pencemaran udara yang buruk ini.

Negara-negara ASEAN pada masa

lalu, berjaya membuktikan mereka boleh bekerjasama dengan baik dalam satu kumpulan. Ini dapat dilihat menerusi usaha Malaysia, Singapura dan Indonesia menentang aktiviti pelanunan di Selat Melaka dan Singapura, yang sedekad lalu, mengakibatkan kawasan maritim ini diisytiharkan sebagai 'zon perang', setaraf Somalia, Iraq dan Lebanon oleh Jawatankuasa Perang Bersama (JWC) Persatuan Pasaran Lloyd yang beribu pejabat di London, United Kingdom.

Ketiga-tiga negara littoral ini telah bekerjasama menubuhkan pelbagai inisiatif bagi membasmi kegiatan pelanunan seperti *Tripartite Technical Expert Group (TTEG)* dalam keselamatan pelayaran dan keselamatan maritim, *Rondaan Bersepadu Selat Melaka (MALSINDO)* dan *Eye in the Sky (EIS)*. Usaha-usaha ini ternyata berhasil memperkukuhkan keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan membanteras aktiviti pelanunan dengan efektif.

ASEAN boleh mencontohi usaha Malaysia, Indonesia dan Singapura dalam mengekang kegiatan pelanunan untuk mengatasi masalah jerebu.

Oleh kerana punca utama jerebu dari Indonesia, Jakarta harus bertindak tegas terhadap penjenayah alam sekitar ini. Mungkin benar perusahaan dari Malaysia dan Singapura terlibat namun, Indonesia harus mengepalai usaha membendung masalah yang tidak berkesudahan ini. Permohonan maaf sahaja tidak mencukupi bagi meringankan penderitaan penduduk di negara yang terkesan akibat krisis jerebu ini.

Adalah tidak adil bagi Jakarta mahu menunggu kabus asap ini menjengah Pulau Jawa yang merupakan pusat ekonomi dan politik Indonesia, sebelum membuat keputusan untuk bertindak. Tanpa usaha berterusan bertunjangan keinginan politik yang tegas daripada pentadbiran Presiden Joko Widodo, ASEAN mungkin terpaksa menganggap krisis jerebu sebagai acara tahunan, tanpa rela, perlu hadapi setiap tahun.

'PENULIS ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan profesor pelawat di Sekolah Undang-Undang, Far Eastern Federal University, Vladivostok, Rusia.